



SIARAN MEDIA

DEBAT MALAYA BERSAMA PERKESO 2022 SEBAGAI PLATFORM MENINGKATKAN KESEDARAN GOLONGAN MUDA AKAN KEPENTINGAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

KUALA LUMPUR – Penglibatan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam penganjuran **Debat Malaya bersama PERKESO 2022 (DMbP 2022)** telah meningkatkan pemahaman dan kesedaran tentang perlindungan keselamatan sosial di kalangan generasi muda di Malaysia.

Ini terserlah sepanjang pertandingan **DMbP 2022** apabila para peserta membahaskan pelbagai usul berkaitan perlindungan keselamatan sosial sepanjang pertandingan berlangsung sejak 4 November 2022. Antara usul yang diperdebatkan adalah **Iktibar Pandemik COVID-19: PERKESO Perlu Lebih Diperkasa; Pelaksanaan Mandatori Maternity Benefit di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan; dan juga Skim Perlindungan Sosial Sebagai Subjek Wajib Lulus Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia.**

Pusingan akhir DMbP 2022 yang berlangsung hari ini di Kompleks Auditorium Perdanasiswa, Universiti Malaya, telah menyaksikan perdebatan sengit antara dua pasukan – Universiti Pertahanan Malaysia dan Universiti Malaya tentang usul bertajuk: **Demi Perlindungan Keselamatan Sosial Yang Lebih Mapan, Dewan Ini Menyokong Perluasan Perlindungan Keselamatan Sosial Dengan Memberikan Pencen Warga Emas.**

DMbP 2022 membabitkan penyertaan **40 buah pasukan** daripada pelbagai institusi seperti Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Kluster, Sekolah Menengah (SM) dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di seluruh Malaysia.

Debat Malaya 2022 ini dianjurkan oleh **Majlis Orator Universiti Malaya (MORUM)** dengan kerjasama **PERKESO** sebagai Penaja Utama tahun ini. **Dato' Sri Subahan**

Kamal, Pengerusi Lembaga PERKESO, yang diwakili oleh Tuan John Riba Marin, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, telah merasmikan Majlis Penutup DMbP 2022.

Dato' Sri Subahan berkata pertandingan debat yang berprestij ini menghimpunkan 40 pasukan pendebat terbaik negara dalam kalangan sekolah dan universiti terkemuka dari serata negara.

Menurut beliau, selain daripada memberi peluang kepada peserta muda untuk membuktikan keupayaan dan bakat mereka dalam bidang perbahasan, pertandingan ini juga bertujuan untuk mengasah bakat dan kemahiran berkomunikasi mereka serta memupuk daya fikir yang kreatif dan kritis dalam menganalisis dan memberikan pandangan berkaitan isu semasa.

“Adalah penting untuk memupuk kesedaran tentang perlindungan keselamatan sosial dari usia muda. Program debat ini adalah antara usaha kami untuk mendekatkan generasi muda dengan PERKESO dan meningkatkan pemahaman mereka mengenai perlindungan keselamatan sosial agar mereka akan dapat melihat dan memahami pentingnya perlindungan keselamatan sosial kepada masyarakat dan negara.

“Dalam menerajui perlindungan keselamatan sosial di negara ini, adalah penting bagi PERKESO memastikan segala produk dan perkhidmatan yang ditawarkan mapan dan relevan kepada generasi masa hadapan. Sehubungan itu, kami ingin mendengar pandangan dan perspektif generasi muda hari ini terhadap perlindungan keselamatan sosial agar kami dapat pertimbangkan idea-idea baharu dari generasi muda dan sepadukannya dalam membina strategi dan perancangan untuk masa hadapan,” jelas Dato' Sri Subahan tentang pembabitan PERKESO dalam DMbP 2022.

Professor Dr. Sabri Musa, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Malaya pula berkata bahawa program debat kebiasaannya dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan insaniah seseorang pelajar.

“Contohnya, mereka dapat berkomunikasi dengan lebih yakin dengan penguasaan daya penyampaian retorik yang berkesan. Melalui Debat Malaya bersama PERKESO tahun ini, pelajar dapat mengasah kemahiran berfikir secara kritis kerana spektrum usul yang datang daripada pelbagai bidang, terutamanya pemahaman terhadap isu utama iaitu perlindungan keselamatan sosial.

“Saya percaya kemahiran berfikir dan budaya intelek sangat penting untuk dipupuk pada peringkat awal sebegini dalam kalangan anak muda yang seharusnya bermula daripada

peringkat sekolah menengah sehinggalah ke peringkat universiti sebagai satu pakej dengan kecemerlangan akademik mereka,” ulas beliau.

Professor Dr. Sabri Musa memberitahu bahawa penganjuran program debat pada kali ini sudah masuk edisi kelima ia dianjurkan secara konsisten kecuali pada tahun 2020 apabila dunia dilanda pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, pada tahun 2021, pertandingan diteruskan dengan pelaksanaan secara maya sepenuhnya.

“Program ini mesti diteruskan pada masa akan datang kerana ia adalah salah satu medium menghidupkan seni perdebatan yang mendatangkan pelbagai manfaat kepada pelajar selaku generasi yang bakal memimpin negara pada masa hadapan. Hal ini kerana perdebatan itu sendiri merupakan platform untuk para pelajar mengasah bakat masing-masing dengan latihan sebelum sesuatu pertandingan, sekali gus mendapat pendedahan bagi isu semasa terutama berkaitan isu yang akan diperdebatkan, dan bakat mereka juga dapat digilap dengan teknik debat itu sendiri,” jelas beliau.

Tambah beliau lagi, Universiti Malaya sangat mengutamakan dan sentiasa menyokong usaha murni yang dilaksanakan bersama organisasi seperti PERKESO diteruskan pada masa akan datang bagi memantapkan persediaan mental dan fizikal para pelajar selaku generasi yang bakal memimpin negara di masa hadapan.

Sementara itu, **Encik Izad Hj Raya, Ketua Pegawai Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat PERKESO** berkata PERKESO sentiasa meneroka pendekatan yang segar dan berbeza dalam memastikan produk dan perkhidmatannya kekal relevan dan diterima baik oleh pelbagai lapisan masyarakat, termasuk generasi muda.

“Program ‘Debat Malaya Bersama PERKESO 2022’ ini telah berjaya mencungkil bakat beberapa pendebat terbaik sepanjang pertandingan, yang bakal dilantik menjadi duta kecil kami. Mereka akan bersama-sama dengan PERKESO dalam usaha kami memperkenalkan dan mempromosi pelbagai inisiatif dan perkhidmatan yang ditawarkan terutamanya kepada generasi mereka sendiri. PERKESO percaya bahawa pendebat adalah antara kelompok generasi muda yang paling sesuai menggalas amanat tersebut kerana kebijaksanaan mereka meneroka dan mengupas pelbagai idea baharu, serta kepetahan mereka dalam menyampai dan meyakinkan orang ramai tentang idea yang mereka kemukakan,” ujarnya.

Izad menjelaskan bahawa sebagai sebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan, PERKESO menyokong penglibatan pelajar-pelajar dalam budaya pengucapan awam memandangkan kemahiran berkomunikasi secara proaktif dan responsif bakal membentuk individu yang mempunyai daya profesionalisme

dan tahap kebolehpasaran yang tinggi bagi menggalas peranan membawa negara ke takuk lebih tinggi di masa akan datang.

Bagi **Encik Muhammad Amirul Izwan Ismail, Pengarah Program Debat Malaya**, program Debat Malaya boleh dimanfaatkan oleh pelajar dengan menjadikan ia sebagai medium melatih dan memperkasa kemahiran berfikir secara pantas, tangkas dan tuntas.

“Topik utama yang diperdebatkan adalah berkaitan perlindungan keselamatan sosial seperti isu *maternity benefit*, piawai antarabangsa mengenai perlindungan keselamatan sosial dan keperluan menjadikan bidang ini sebagai subjek rasmi di peringkat IPT. Selain itu, juga terdapat isu seperti pembentukan parti politik feminis dan isu industri hiburan yang setakat ini diulas dengan baik oleh para peserta, baik dari sekolah mahupun peserta dari IPT,” ujar beliau, sambil menegaskan bahawa matlamat penganjuran program pada kali ini berjaya memberi pemahaman kepada semua peserta terhadap isu yang diperdebatkan.

Pertandingan DMbP 2022 edisi tahun ini telah menobatkan pasukan Universiti Malaya sebagai juara.

Adalah diharapkan kefahaman dan kesedaran generasi muda tentang pentingnya perlindungan keselamatan sosial akan menjadi pemangkin kepada masyarakat Malaysia yang lebih prihatin dan mementingkan kesejahteraan yang holistik tanpa meminggirkan mana-mana golongan di negara ini.

**DIKELUARKAN OLEH:
BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL KORPORAT PERKESO
12 NOVEMBER 2022**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Hamisah Hamid di talian +6019-3833 605.